

**Ucapan Naib Canselor di Majlis
MIFT 6th Food Science & Technology Seminar 2009
*“Transformation OF Agro- food industry:
Opportunities and Challenges”*
Food Festival 2009 – 14 Feb 2009**

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera

Terimakasih Pengacara Majlis

- YANG DI HORMATI PRESIDEN INSTITUT TEKNOLOGI MAKANAN MALAYSIA (MIFT) – PROF MADYA DR NIK ISMAIL NIK DAUD, DARI UKM BANGI
- YANG BERBAHAGIA PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
- YANG BERUSAHA PROF MADYA DR MOHD ISMAIL ABDULLAH, DEKAN SEKOLAH SAINS MAKANAN & PEMAKANAN, MERANGKAP Pengerusi J/K Penganjur

MIFT 6th Food Science & Technology Seminar 2009 DI
PERINGKAT SEKOLAH SAINS MAKANAN & PEMAKANAN

- AHLI-AHLI AKADEMIK, PARA PELAJAR DARI IPTA–IPTA SEMENANJUNG MALAYSIA
- PARA PESERTA, HADIRIN HADIRAT SEKALIAN.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA WARGA SEKOLAH SAINS MAKANAN & PEMAKANAN DI ATAS JEMPUTAN KEPADA SAYA UNTUK MERASMIKAN AKTIVITI YANG CERIA DAN MERIAH PADA PAGI INI.
2. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PARA TETAMU KITA YANG DATANG DARI LUAR SABAH, KHUSUSNYA PRESIDEN MIFT, DAN AHLI-AHLI AKADEMIK FAKULTI

SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN DARI IPTA. JUGA TIDAK LUPA DIUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA PARA PELAJAR YANG DATANG DARI JAUH SEMAMATA UNTUK MEMERIAHKAN LAGI ACARA ANJURAN MIFT DAN SSMP, UMS.

3. SELAMAT DATANG KE SABAH NEGERI DIBAWAH BAYU DAN KE UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, DI KOTA INDAH, KOTA KINABALU.

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

4. Kesehatan adalah nikmat dan anugerah yang amat bernilai. Secara sedar atau tidak, kita kadangkala leka dan cuai untuk menjaga anugerah ini sehinggakan kita lupa tentang pentingnya menjaga makanan dan pemakanan kita. Kita berasa sangat bernasib baik kerana rakyat negara ini masih belum dilanda krisis makanan yang teruk.

5. Kita masih mampu mempunyai makanan yang berlebihan sehinggakan wujud pelbagai penyakit akibat daripada kurangnya keprihatinan ke atas pemakanan kita. Justeru itu, amatlah wajar jika kesedaran mengenai isu berkaitan makanan dan pemakanan ini dapat diwar-warkan.
6. Saya mengucapkan syabas kepada SSMP di atas penganjuran Food Festival 2009. Selain menjadi medan pertambahan maklumat mengenai pembangunan

produk makanan, Food Festival 2009 juga berupaya memangkin kesedaran yang tinggi mengenai makanan dan kesihatan.

7. Permintaan terhadap makanan akan terus bertambah dengan meningkatnya bilangan penduduk dan pendapatan serta perubahan citarasa dan budaya makan. Bagi memenuhi keperluan yang kian meningkat ini, sektor pengedaran makanan dan bahan mentah makanan seharusnya terus dibangunkan.

8. Dalam keadaan kegawatan ekonomi kerajaan memberi tumpuan yang lebih kepada sektor pertanian dan makanan selaras dengan statusnya sebagai sektor strategik. Kerajaan sudahpun menggubal Dasar Pertanian Negara Ke3 (NAP3) dan sedang menggubal Dasar Makanan Negara (*National Food Policy*) sebagai pemangkin dalam meningkatkan pengeluaran memandangkan negara terpaksa mengimport hampir

12 Billion Ringgit bahan makanan setiap tahun dan jumlah ini akan meningkat tahun demi tahun.

9. Pada masakini, Malaysia mampu memastikan pengeluaran telur, ayam, sayur-sayuran, ikan dan buah-buahan. Akan tetapi Malaysia masih mengimport 70% dari keperluan beras, 75% daging dan 95% produk-produk susu.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Tema Seminar Sains & Teknologi Makanan MIFT yang ke 6 ialah: Transformation of Agro-food Industry: Opportunities and Challenges. Peluang yang menanti dan cabaran yang dihadapi adalah berkait rapat dengan bagaimana para usahawan akan dapat manfaat daripada dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia.
11. Bagi kita diperingkat IPTA, cabarannya ialah bagaimana para graduan kita yang berkualiti tinggi

dapat menampung keperluan usahawan makanan untuk mencapai tahap pengeluaran yang lebih efisien, moden dan mempunyai kandungan teknologi yang tinggi.

12. Dengan keperihatinan itulah kita mengadakan Seminar Sains & Teknologi Makanan MIFT yang ke 6 pada kali ini bertujuan untuk membolehkan para saintis dan penyelidik yang terdiri daripada pelajar pra-siswazah dan pasca-siwazah untuk mempamerkan

maklumat mutakhir dalam kejayaan pembangunan produk dalam menghasilkan bahan makanan yang lebih berkualiti.

13. Disamping itu, kita memperkenalkan pembaharuan kaedah pemprosesan yang lebih baik dan produktif. Pada masa yang sama forum ini juga membolehkan para peserta untuk berinteraksi, bertukar-tukar maklumat dan idea-idea dalam

mencapai matlamat kita untuk memajukan lagi industri makanan negara.

14. Sebagaimana kita semua maklum, bersempena dengan Seminar ini juga telah dianjurkan Festival Makanan 2009 yang berslogankan *Tamu Aramaitii 2009*. Saya difahamkan ini adalah Festival Makanan yang ke 3 yang pernah dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan & Pemakanan (SSMP) selama tiga tahun berturut-turut. Syabas

diucapkan kepada PMSSMP kerana dapat memainkan peranan yang begitu aktif dalam bidang pembangunan Kemahiran Insaniah yang sentiasa dihasratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk para mahasiswa memperolehinya semasa berada dikampus.

15. Festival ini bukan sahaja dapat menarik minat usahawan untuk mengambil bahagian bagi mempamerkan kelebihan produk-produk mereka, tetapi juga akan dapat menarik minat pengunjung dari

dalam dan luar kampus, termasuk tuan-tuan dan puan-puan dari luar Sabah yang sedang berada di SSMP pada saat ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima di atas kehadiran ke upacara perasmian Seminar Sains & Teknologi Makanan MIFT ke 6 ini yang turut mengadakan Festival Makanan Tamu Aramaiti 2009. Syabas diucapkan kepada J/K penganjur khususnya dan Warga Sekolah Sains Makanan & Pemakanan amnya.

17. DENGAN LAFAZ : BISMILLAHHIRRAHMAN
ARRAHIM. Saya dengan ini merasmikan Seminar Sains
& Teknologi Makanan MIFT kali ke-6 dan Festival
Makanan Tamu Aramaiti 2009 dengan rasminya.

Sekian wassalamulaikum wbt.